



**Untuk Siaran Segera**  
**SIARAN MEDIA**

**PELARASAN TARIF ELEKTRIK DI SEMENANJUNG,  
SABAH DAN WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN  
MULAI 1 JANUARI 2018**

1. Mesyuarat Kabinet pada 13 Disember 2017 telah bersetuju mengekalkan kadar tarif elektrik dalam jadual tarif elektrik semasa bagi pengguna-pengguna elektrik di Semenanjung untuk tempoh 1 Januari 2018 hingga 31 Disember 2020. Jadual kadar tarif ini telah digunakan sejak 1 Januari 2014.
2. Mesyuarat Kabinet juga bersetuju untuk Kerajaan menampung keseluruhan rebat tarif elektrik sebanyak 1.80 sen/kWj. Jumlah keseluruhan rebat tarif elektrik ialah sebanyak RM929.37 juta bagi tempoh 1 Januari hingga 30 Jun 2018. Secara keseluruhannya, Kerajaan telah memberikan rebat berjumlah **RM6.3 bilion** kepada pengguna di Semenanjung bagi tempoh Mac 2015 hingga Jun 2018.
3. Dengan keputusan ini, pengguna-pengguna di Semenanjung tidak akan mengalami sebarang perubahan dalam bil elektrik bagi tempoh 1 Januari hingga 30 Jun 2018 sekiranya pengguna mengekalkan penggunaan elektrik sedia ada.
4. Walaupun pengguna tidak mengalami sebarang perubahan dalam jadual tarif bagi tempoh 2018 hingga 2020, pengguna akan terus menerima bekalan elektrik yang berdaya harap dengan pembangunan lebih banyak infrastruktur pembekalan elektrik berasaskan teknologi terkini serta program-program sokongan oleh Tenaga Nasional Berhad seperti berikut:
  - a) Pembangunan *Advanced Metering Infrastructure* (AMI) dengan pemasangan 1.5 juta meter pintar yang dimulakan dengan kawasan bandar-bandar utama di Semenanjung;
  - b) pembangunan rangkaian *fiber optic* tambahan untuk memastikan reliabiliti dan keselamatan pembekalan elektrik terjamin;
  - c) pemasangan lampu jalan LED di bandar-bandar utama seluruh negara untuk menggalakkan amalan cekap tenaga;
  - d) projek solar di 10 universiti awam utama dalam negara dengan jumlah kapasiti 200MW atau 20MW bagi setiap universiti; dan
  - e) program pendidikan berjumlah sehingga RM1 bilion bagi tempoh 2018-2022 (5 tahun).

5. Bagi semakan tarif elektrik untuk pengguna-pengguna di Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan, jadual kadar tarif sedia ada dikekalkan bagi tempoh Januari hingga Jun 2018. Pada masa yang sama, pengguna-pengguna juga akan menikmati rebat tarif elektrik sebanyak 1.20 sen/kWj sepanjang tempoh tersebut.
6. Kerajaan telah memberikan subsidi bahan api dan tarif sebanyak RM1.631 bilion bagi pengguna-pengguna di Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan untuk tempoh Mac 2015 hingga Jun 2018.
7. Pengekalan tarif elektrik ini jelas membuktikan keikhlasan dan keprihatinan Kerajaan yang sentiasa meletakkan kesejahteraan dan kepentingan rakyat sebagai teras utama. Ia bertepatan dengan usaha Kerajaan untuk mengurangkan beban ke atas kos hidup rakyat.

**YB DATUK SERI PANGLIMA DR. MAXIMUS JOHNNITY ONGKILI**  
**Menteri Tenaga, Teknologi Hijau Dan Air**  
**Putrajaya**  
**26 Disember 2017**